



TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 9 /20182019
TARIKH: 21 MEI 2019 (SELASA) MASA : 2.00 PETANG

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	ALUAN Pengerusi		
	1.6 Tempoh Proses VIVA Pengerusi meminta agar fakulti memberi perhatian kepada pelajar-pelajar yang telah capai tempoh tamat pembetulan untuk dibawa ke Mesyuarat JAPSU untuk mendapatkan kelulusan pelanjutan tempoh pembetulan tesis. Ini adalah kerana tempoh maksimum pelajar boleh berada dalam tempoh peperiksaan (V) adalah selama 3 semester ataupun 18 bulan. Pelajar boleh diperakukan gagal sekiranya melanggar peraturan ini seperti yang tertera dalam Perkara 6 Peraturan Akademik Pengajian Siswazah 2018.	Tindakan : Semua Fakulti	
3.0	PERKARA BERBANGKIT		
	3.1 Perkara 1.4.3 Kursus Asas Penyeliaan (AS101,AS102, AS103) Pengerusi memaklumkan bahawa pihak UTMLead tidak dapat melihat maklumat staf yang baharu kerana tiada akses maklumat bagi penilai ELPPT. Sehubungan dengan itu, kerjasama dari semua fakulti agar mengemaskini maklumat di dalam sistem HR untuk mengemaskini nama penilai ELPPT bagi staf baharu tersebut supaya rekod kehadiran Kursus Asas Penyeliaan mereka boleh dikemaskini oleh UTMLead.	Tindakan : Semua Fakulti	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
4.0	LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)		
	Puan Intan Shahnaz binti Zulkifli telah membentangkan berkenaan Jadual Urusan Peperiksaan & Pengijazahan Semester II, Sesi 2018/2019. Beliau juga mengingatkan bahawa, tempoh kemasukan markah oleh Pensyarah di dalam sistem adalah dari 19 Mei hingga 16 Jun 2019. Selepas tarikh ini pensyarah yang lewat perlu memasukkan markah di pejabat akademik fakulti sehingga 21 Jun 2019.	Tindakan : Semua Fakulti	